

U 8115 DEB
HAHATHIR - MB

KUALA LUMPUR, 12 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ISU KEDUDUKAN HENTERI BESAR SELANGOR, TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB PERLU DIKAJI DENGAN MENDALAM UNTUK HENCARI SATU PENYELESAIAN.

+SEBAGAI ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB, SAYA TERPAKSA Mencari JALAN UNTUK HENYELESAIKAN PERKARA INI YANG TELAH PUN DISAMPAIKAN KEPADA SAYA OLEH SULTAN SELANGOR, + KATA PERDANA MENTERI HARI INI.

SEHASA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG, SEKEMBALINYA DARIPADA MENGHADIRI SIDANG PUNCAK PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI DI BELGRADE, YUGOSLAVIA 9 BELIAU BERKATA BAGINDA TELAH BERBINCANG DENGAN BELIAU MENGENAI PERKARA ITU BULAN LEPAS.

SEMALAM, SULTAN SELANGOR BERTITAH BAHAWA BAGINDA TELAH HENERANGKAN KEDUDUKAN HENTERI BESAR ITU KEPADA PERDANA MENTERI PADA 29 OGOS.

TANPA HENJELASKAN APAKAH JALAN-JALAN PENYELESAIAN YANG SEDANG DIFIKIRKANNYA, DATUK SERI DR HAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU SUDAH PUN BERBINCANG DENGAN TAN SRI MUHAMMAD MENGENAI APA YANG BERLAKU. -- LAGI.

1648MST 12 09 89

U B118 DEB
HAHATHIR - MB 2 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA BILAKAH PERTEMUAN DENGAN MENTERI BESAR ITU DIADAKAN, PERDANA MENTERI ENGGAN MENERANGKAN, CUMA BERKATA: +SUDAH BERJUHPA.+

PADA AWAL PERSIDANGAN AKHBAR ITU, KETIKA DIMINTA PENJELASAN HENGENAI KEDUDUKAN MASA DEPAN TAN SRI MUHAMMAD 1 BELIAU MENJAWAB: +SAYA BARU SAHAJA BALIK. KATANYA DIA (HENTERI BESAR) SEDANG BERCUTI.+

TAN SRI MUHAMMAD TELAH MENYEBABKAN KEMURKAAN SULTAN SELANGOR BERIKUTAN PERKAHWINANNYA DENGAN PUTERI BAGINDA, TENGGU PUTERI ZAHARIAH TANPA PENGETAHUAN BAGINDA. TAN SRI MUHAMMAD KINI BERCUTI SEBULAN DAN DILAPORKAN BERADA DI SINGAPURA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR, APABILA DIMINTA HENJELASKAN PERTEHUANNYA DENGAN SULTAN, KEMUDIAN BERKATA BAGINDA BIASANYA AKAN HEMBERITAHUNYA, SEBAGAI KETUA EKSEKUTIF KERAJAAN, HENGENAI SESUATU YANG PENTING YANG BERLAKU YANG SEHARUSNYA BELIAU KETAHUI.

KATANYA, BERIKUTAN PERTEHUAN ITU, ADALAH PERLU BAGINYA SEBAGAI SEORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB TERPAKSA Mencari JALAN PENYELESAIAN. -- LAGI

1708MST 12 09 89

UB125 AAB U MAHATHIR - MB 3 KUALA LUMPUR

+BAGAIMANAPUN, SAYA PERLUKAN MASA UNTUK MEMIKIRKAN CARA TERBAIK UNTUK MENCARI JALAN PENYELESAIAN ITU, + KATA PERDANA MENTERI.

KETIKA DIMINTA PENDAPATNYA TENTANG PERBUATAN MENTERI BESAR ITU DARIPADA SEGI MORAL, DATUK SERI DR MAHATHIR ENGGAN MEMBERIKAN PANDANGANNYA.

PADA PERSIDANGAN AKHBAR BAGINDA SEMALAM, SULTAN SELANGOR BERTITAH BAGINDA MENYERAHKAN SEPENUHNYA KEPADA BUDIBICARA PERDANA MENTERI UNTUK MENENTUKAN KEDUDUKAN TAN SRI MUHAMMAD.

BAGAIMANAPUN, BAGINDA MENEGASKAN BAHAWA BAGINDA TIDAK LAGI +DAPAT BERCAKAP DAN DUDUK DEKAT-DEKAT+ DENGAN TAN SRI MUHAMMAD SEKIRANYA BELIAU KEKAL SEBAGAI MENTERI BESAR SELANGOR. BAGINDA JUGA MENYIFATKAN HUBUNGANNYA DENGAN TAN SRI MUHAMMAD SEKARANG +BAGAIKAN KACA JATUH TERHEMPAS+.

HASIL PERKAHWINAN PADA JULAI 1987 ITU, TAN SRI MUHAMMAD DAN TENGKU PUTERI ZAHARIAH KINI MEMPUNYAI SEORANG ANAK LELAKI.

SEMENTARA ITU, SATU ROMBONGAN DARI UMNO BAHAGIAN HULU SELANGOR, YANG DIKETUAI OLEH NAIB KETUANYA, ENCIK HARMAINI HAJI OMAR TIDAK SEMPAT MENEMUI PERDANA MENTERI UNTUK MENYAMPAIKAN MEMORANDUM SOKONGAN KEPADA MENTERI BESAR.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN PADA MULANYA DIJADUAL TIBA PUKUL 4 PETANG, TETAPI TIBA KIRA-KIRA SEJAM AWAL. ROMBONGAN ITU TIBA DI LAPANGAN TERBANG TEPAT PUKUL 4 PETANG SEDANGKAN KETIKA ITU DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH PUN BERLEPAS KE SERI PERDANA. -- BERNAMA.

1722MST 12 09 89